


Kisah Di Sebalik Reka Bentuk Kubah Bawang



Oleh: Sharifah Nabila Syed Bayazid

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 27 Jun 2021



Gereja Cathedral of Christ the Saviour di Moscow, Rusia

Sekilas pandang, gambar gereja Cathedral of Christ the Saviour di atas mengingatkan kita dengan Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar, Perak dari segi struktur warna kubah dan muka bangunannya.


Perkara itu terlintas dalam fikiran penulis ketika menjejakkan kaki di Rusia pada 2016. Pemerhatian tersebut mengubah perspektif penulis terhadap seni bina sesebuah bangunan.

Kubah bawang adalah seni bina kubah berbentuk bawang yang masyhur di negara bekas Kesatuan Soviet itu. Ia adalah ciri khas dan unik yang terdapat pada kebanyakan struktur binaan di Rusia.

Buku *Russian Architecture and the West* tulisan Shvidkovsky pada 2007 menyatakan, beberapa sarjana berpendapat bahawa Rusia meminjam konsep kubah bawang dari negara-negara Islam, mungkin dari Kekhanan Kazan.

Seni bina kubah berbentuk bawang turut ditemukan di negara Asia seperti Masjid Raya Baiturrahman di Aceh, Indonesia.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Wihelmina pada 1994, kubah masjid tersebut kelihatan seperti gaya kubah era empayar Mughal.



Gereja Savior on the Spilled Blood di Saint Petersburg, Rusia

Namun pada 2008, Arif menyatakan Masjid Raya Baiturrahman tidak hanya mengikut reka bentuk seperti di Taj Mahal, India tetapi juga kelihatan seperti kubah gereja Katolik di Sussex, England dan di tempat-tempat lain.

Menurut tinjauan kepercayaan agama di Eropah Tengah dan Timur oleh Pew Forum pada 2017, bilangan penduduk Rusia yang beragama Kristian dan bermazhab Ortodoks adalah yang paling ramai iaitu sebanyak 71 peratus.

Tinjauan ini selaras dengan hakikat terdapat banyak rumah ibadat seperti gereja fahaman ortodoks yang dibina di sana. Bilangan kubah dan warna-warna yang tertentu juga mempunyai maksud yang berbeza.

Pada 2012, Melenteva menyatakan, gereja yang mempunyai satu kubah menggambarkan kepercayaan kepada Tuhan yang satu, tiga kubah mewakili Trinitas, dan lima kubah mewakili Yesus dan empat penginjilnya.

Berdasarkan laman sesawang *Bridge to Moscow*, kubah gereja berwarna emas adalah simbol kemuliaan langit. Itulah sebabnya kubah emas dinobatkan sebagai katedral utama. Manakala kubah berwarna biru dengan bintang emas pula adalah ciri gereja Ibu Tuhan.

Selain itu, kuil penganut Sikh juga mempunyai bentuk kubah yang sama. Ini merupakan contoh yang terdekat jika kita mahu membuat kajian dengan lebih terperinci di negara ini.

Keunikan seni bina di negara luar membuka mata kita tentang sesuatu bentuk rumah ibadat yang mempunyai sejarah dan ciri yang tersendiri, malah dapat menarik perhatian orang ramai untuk mengetahui rahsia di sebalik keindahan struktur binaan tersebut.



Masjid Kul Sharif di Kazan, Rusia (gambar hiasan)

Mempelajari dan mengetahui budaya dan agama masyarakat lain adalah sangat digalakkan untuk mengelakkan kita daripada menjadi golongan yang seperti katak di bawah tempurung.

Tidak salah sekiranya kita mengkaji aspek seni bina rumah ibadat agama lain bagi memahami simbolisme yang terkandung di sebaliknya.

Kajian sedemikian akan menjadikan kita lebih memahami mengapa konsep seni bina tertentu seperti kubah bawang menjadi pilihan khususnya bagi gereja-gereja di sekitar Rusia.